

Keusahawanan Islam

Mengkritik Aktiviti Yang Mendorong Kepada Keburukan (al-Fasad)

Pendahuluan

Pada asasnya, keusahawanan Islam memberi fokus ke arah usaha yang boleh mendatangkan kebaikan dan memelihara kemaslahatan masyarakat umum. Berpandukan kepada objektif murni tersebut, keusahawanan Islam melarang secara rigid terhadap usaha atau kerja yang boleh menjejaskan dan boleh memberi implikasi kemudaratan kepada manusia. Atas prinsip inilah, individu yang menceburi bidang keusahawanan perlu mengelakkan diri secara seminimum yang mungkin daripada terlibat dengan unsur-unsur yang boleh memberi kesan yang negatif kepada pengguna atau masyarakat amnya dan juga alam. Pemakaian prinsip ini dalam keusahawanan Islam berfungsi sebagai kodifikasi peraturan umum yang mengikat setiap individu usahawan bertindak mengikut ketentuan-ketentuan yang telah ditentukan oleh syara'.

Keusahawanan Islam Mengkritik Terhadap Aktiviti Yang Bermotifkan Elemen Fasad

Secara tipikalnya, Islam telah meletakkan kesejahteraan adalah simbol kepada keamanan, kebahagiaan dan kemuliaan yang perlu dikongsi oleh seluruh ahli masyarakat. Berasaskan premis inilah, keusahawanan Islam melarang perbuatan-perbuatan yang cenderung kepada kemusnahan, keburukan dan pembaziran sumber-sumber yang telah dianugerahkan oleh Illahi. Perbuatan yang mendorong kepada tindakan negatif tersebut disifatkan sebagai fasad. Umumnya, fasad secara literalnya membawa maksud kerosakan, kebinasaan dan keburukan. Pemahaman ini dapat dilihat melalui firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

"Kemudian apabila dia beredar (setelah mendapat hajatnya), dia berjalanlah di bumi untuk melakukan kerosakan padanya, dan membinasakan tanaman-tanaman dan keturunan (binatang ternakan dan manusia), sedangkan Allah tidak suka kepada kerosakan." (Al-Baqarah:205)

Mengulas ayat tersebut, Ibn Kathir dalam karyanya Tasir Ibn Kathir membentangkan pandangan yang dikemukakan oleh Mujahid bahawa sekiranya manusia bertindak secara jahat, maka Allah akan menurunkan bala kepada manusia. Bencana tersebut



berlaku dengan cara Allah tidak menurunkan hujan sehingga menyebabkan berlakunya kemusnahan dan kerosakan ke atas pertanian dan perternakan. Justeru itu, Allah mengakhiri ayat tersebut dengan pernyataan yang tegas bahawa Allah tidak suka kepada kerosakan dan kemusnahan. Atas faktor inilah Allah melarang kepada hambanya daripada bertindak melakukan fasad kerana ia akan memberi impak yang buruk terhadap manusia.

Sehubungan dengan itu, Wahbah al-Zuhaili dalam Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Shari'ah wa al-Manhaj menukulkan bahawa simptom fasad ini berlaku disebabkan kecenderungan jiwa manusia tunduk dan akur kepada melakukan kejahatan untuk memenuhi tuntutan hawa nafsu dan shahwat. Akibat kealpaan manusia dikawal oleh pengaruh kegelapan yang sesat menyebabkan ia terpengaruh dengan kepentingan

kelazatan duniawi. Pada hal, perbuatan tersebut adalah hina dan dikeji serta tidak disukai oleh Allah S.W.T. Malah sejarah sepanjang zaman telah menyingkap perbuatan dan perancangan manusia yang cenderung kepada kefasadan pada akhirnya akan menuju kepada kebinasaan dan kemusnahan sebagaimana yang telah menimpa umat manusia silam.

Secara kontras, keterangan berasaskan al-Sunnah juga melarang manusia daripada bersikap fasad yang merangkumi pelbagai aktiviti keperluan manusia. Keterangan daripada hadis Nabi S.A.W telah mengabsahkan lagi bahawa tindakan manusia yang disifatkan sebagai fasad akan merugikan manusia bahkan akan ditimpa dengan azab yang pedih di hari pembalasan kelak. Dalam satu riwayat, Nabi S.A.W bersabda yang maksud:

"Dari Abu Hurairah r.a., katanya Rasulullah S.A.W bersabda: "Bacalah (Qur'an): 'Seandainya kamu berkuasa, apakah kamu akan membuat kerosakan di muka bumi

dan memutuskan hubungan kekeluargaan (kasih sayang)? Mereka itulah orang-orang yang dikutuk Allah dan dipekekkan telinga mereka dan dibutakan penglihatan mereka. Maka apakah mereka tidak memperhatikan al-Qur'an, ataukah hati mereka telah terkunci?" (Muhammad, 47:22-24)." (Muslim)

Berasaskan daripada keterangan nas syara' tersebut nyatalah bahawa Islam melarang penganutnya melakukan tindakan-tindakan yang menyalahi ketentuan Illahi. Perlakuan yang menyanggahi peraturan syara' tersebut disifatkan sebagai "fasad" iaitu melakukan kerosakan atas muka bumi sehingga menimbulkan kemudaratan kepada manusia lain dan juga alam. Situasi ini berlaku disebabkan kecenderungan individu mengeksploitasi sesuatu atas kepentingan peribadi dan bersikap oportunistik demi memenuhi citarasa keperluan nafsu yang tidak terbatas.

"Dengan kata lain, keusahawanan Islam memberi kebebasan sepenuhnya kepada para usahawan untuk merancang atau melaksanakan apa sahaja aktiviti dalam skop bidang tugas mereka."

Kehendak manusia yang tidak terbatas ini jika tidak diimbangi dengan panduan wahyu akan menyebabkan jiwa manusia diisi dengan hasutan syaitan yang sentiasa menyeru manusia ke arah kemusnahan.

Oleh kerana objektif syara' mengutamakan prinsip kemaslahatan umum manusia, sudah tentulah apa sahaja kegiatan atau unsur-unsur perlakuan yang menyalahi objektif murni tersebut disifatkan sebagai fasad. Melihat kepada kepentingan keperluan tersebut, keusahawanan Islam telah meletakkan bebas daripada unsur-unsur yang mengandungi konotasi fasad adalah sebahagian daripada prinsip keusahawanan. Dengan kata lain, keusahawanan Islam memberi kebebasan sepenuhnya kepada para usahawan untuk merancang atau melaksanakan apa sahaja aktiviti dalam skop bidang tugas mereka. Walau bagaimanapun, dalam kerancakan usahawan berinteraksi atau bermuamalah sesama manusia, ia perlu mengelakkan diri daripada terlibat dengan perkara-perkara yang boleh mendatangkan kemudharatan ataupun menjejaskan pihak lain.



Sebagai contoh, usahawan yang terlibat dalam bidang perindustrian tidak boleh membuang atau menyalurkan terus sisa-

sisa dan bahan-bahan pepejal yang merbahaya dalam sungai yang menyumbang kepada pencemaran. Dalam sektor pembinaan pula, individu usahawan tidak dibenarkan untuk mengaut keuntungan dengan cara yang boleh membahayakan

keselamatan orang ramai seperti pembinaan bangunan di cerun bukit atau di tanah tinggi. Begitu dalam sektor perusahaan seperti menghasilkan sesuatu produk yang boleh mendatangkan kesan yang mudarat dan implikasi kesihatan kepada pengguna seperti produk kesihatan, kosmetik dan sebagainya. Begitu juga dengan skim-skim cepat kaya yang dijalankan untuk mengaut keuntungan dengan cara menindas orang lain. Padahal ia hanya direka cipta atau mencari helah untuk mendapat wang secara mudah, dengan cara menipu orang lain. Tindakan tersebut juga boleh diklasifikasikan sebagai al-fasad. Ini kerana, aktiviti yang dilakukan tersebut boleh mengundang kepada kesengsaraan dan kemudaratan kepada pihak yang menjadi mangsa. Perkara tersebut jelas berlaku kontradiksi dengan objektif syara' yang menekankan kepada memelihara kepentingan umum. Daripada contoh-contoh yang dijelaskan tersebut, ia merupakan sebahagian daripada tindakan keusahawanan yang boleh menyebabkan kemudaratan dan kerosakan bukan sahaja

kepada masyarakat umum tetapi juga kepada alam.



Oleh yang demikian, didapati setiap usaha yang dilakukan oleh manusia tidak terlepas daripada dipengaruhi oleh bisikan hawa nafsu. Bagi tujuan mengimbangi perbuatan manusia daripada tuntutan hawa nafsu supaya tidak disalurkan ke arah aktiviti yang tidak bermanfaat dan tidak mendatangkan kemusnahan serta kerosakan ia perlu diselaraskan dengan kekuatan iman. Setiap amal yang didorong dengan keinsafan dan keimanan yang tinggi kepada Allah S.W.T perbuatan tersebut dilabelkan sebagai amal saleh. Namun begitu, jika usaha atau amal yang dilakukan tersebut terkeluar dari landasan keimanan nescaya natijah kepada perbuatan tersebut akan mendorong kepada kerosakan ataupun dikenali sebagai fenomena fasad.

Kesimpulan

Justeru itu, prinsip bebas daripada fasad adalah sebahagian daripada prinsip penting yang perlu diberi perhatian oleh para usahawan. Dengan mematuhiinya, para usahawan akan lebih peka dan mengambil serius supaya apa sahaja bidang yang diceburi oleh golongan tersebut perlu bebas dan suci daripada elemen yang diistilahkan sebagai fasad. Ini kerana, pemikiran atau usaha yang mendorong kepada fasad bertentangan dengan fitrah kemanusiaan yang cenderung kepada kesejahteraan, kebaikan dan keharmonian. Bahkan perbuatan tersebut bertentangan dengan kehendak Illahi dan pelakunya akan mendapat balasan dosa berdasarkan kemudaratan yang dilakukannya.